

PM pertahankan demokrasi Malaysia

UM 18 OCT 2002

Daripada AZIZ ISHAK

NEW DELHI 17 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak perlu berasa malu terhadap bentuk demokrasi yang diamalkannya kerana ia benar-benar berfungsi dan mendatangkan manfaat kepada rakyatnya.

Perdana Menteri berkata, sebagai perbandingan terdapat negara bergelar republik demokrasi sebenarnya ia tidak pula mengamalkan demokrasi.

“Saya tidak berasa terhina dengan dakwaan pihak tertentu kononnya tiada demokrasi di Malaysia. Ini kerana amalan demokrasi di Malaysia subur dan berfungsi dengan baik,” katanya semasa menjelaskan pertanyaan seorang wartawan India pada sesi dialog di Rumah Persekutuan di sini hari ini.

Wartawan berkenaan mahu tahu mengapa kononnya Malaysia tidak mengamalkan demokrasi.

Dialog itu diadakan sejurus selepas Perdana Menteri menyampaikan ucapannya pada Sidang Kemuncak Perdagangan India-ASEAN anjuran Persekutuan Dewan Perniagaan dan Perusahaan India (FICCI).

Dr. Mahathir menambah rakyat pula menggunakan dengan bijak amalan demokrasi yang memberikan hak mereka memilih kerajaan setiap lima tahun, termasuklah hak menukar kerajaan menerusi peti undi.

“Tetapi rakyat terus memilih kerajaan sedia ada, saya percaya ia pasti berdasarkan hasil pemerintahannya.

“Kami adalah negara yang demokratik,” katanya sambil menjelaskan terdapat banyak jenis demokrasi seperti demokrasi liberal dan terpimpin.

Sebagai perbandingan, katanya, di sesetengah negara, atas nama demokrasi, kerajaan terpaksa bertukar setiap dua tahun dan ia tidak membantu memajukan negara terhabit.

“Apabila sesebuah kerajaan yang baru memerintah selesai membuat perancangan, rakyat memilih kerajaan baru untuk mengambil alih dan akhirnya tiada apa yang boleh dibuat kerana proses tersebut berulang,” katanya lagi.

Pada sesi dialog itu, para peserta sidang turut meminta penjelasan Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan membawa Malaysia keluar dengan jayanya daripada krisis mata wang.

Terdahulu lebih 500 orang memenuhi setiap sudut dewan sidang mengikuti ucapan Dr. Mahathir yang bertajuk *Asia pada 2020: Cabaran dan Prospek*.

Ketibaan beliau begitu ditunggu-tunggu apabila para peserta sidang berdiri sambil memberi tepukan gemuruh sebaik sahaja Perdana Menteri melangkah masuk ke dewan.

Selepas majlis tersebut, Dr. Mahathir yang dalam rangka lawatan kerja tiga hari ke India mengunjungi Presiden India, A.P.J. Abdul Kalam di Rastrapathi Bhavan, Raisina Hill di sini.

Dr. Mahathir juga mengunjungi rakan sejawatannya, Atal Bihari Vajpayee di Hyderabad House dan kemudian kedua-dua pemimpin itu mengetuai Mesyuarat Delegasi Malaysia-India di tempat yang sama.

Dr. Mahathir dan Vajpayee kemudian menyaksikan majlis memeterai memorandum persefahaman antara kedua-dua kerajaan berhubung Projek Pembangunan Jalan Raya di Negeri Jharkand.

Malam ini, Vajpayee meraikan Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dalam majlis jamuan. — *Utusan*